

MB baru ikrar akan stabilkan politik Pahang

KUANTAN, Ahad — Datuk Haji Abdul Rashid Abdul Rahman yang akan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Pahang Rabu ini berkata, beliau akan mencuba sedaya upaya menstabilkan keadaan politik di negeri ini.

Katanya, beliau akan juga membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang mengatasi

sebarang masalah politik di negeri ini.

Datuk Haji Abdul Rashid berkata demikian ketika menjawab soalan-soalan para pemberita selepas menghadiri majlis mesyuarat agong tahunan Koperasi Perumahan Guru-guru Melayu Pahang Timur, di sini, hari ini.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Bekas Menteri Besar, Haji Abdul Rahim Bakar yang juga Yang Dipertua Koperasi tersebut.

Datuk Haji Abdul Rashid berkata, sebagai

seorang pemimpin negara dan Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Dr. Mahathir tentunya lebih tahu hal ehwal politik negeri ini.

Ditanya tentang sebarang formula yang mungkin beliau telah fikirkan untuk mengatasi krisis politik di negeri Pahang, bakal Menteri Besar itu beryanya pemberita: "Apa dia krisis?"

Apabila diberitahu memang terdapat sedikit kesulitan dalam politik negeri ini walaupun masalah kecil seperti yang diakui oleh Perdana Menteri sendiri semalam, beliau berkata "perkara itu sudah habib."

Sementara itu Kampung Batu Talam kira-kira 18 batu dari sini telah mencatat sejarah kerana ia merupakan kampung yang pertama dan terakhir dilawati oleh Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar sebagai Menteri Besar Pahang.

Sebaik sahaja beliau dilantik menjadi Menteri Besar dalam tahun 1978, kampung yang pertama dilawati oleh Haji Abdul Rahim ialah Kampung Batu Talam, dan mengadakan pertemuan dengan penduduk-penduduk kampung itu di sebuah sekolah agama.

Pertama

Haji Rahim sengaja memilih kampung Batu Talam kerana beliau menganggap ketika itu dalam kampung itu terdapat orang yang paling susah di negeri Pahang.

Beliau juga menganggap bahawa Batu Talam merupakan tempat pertumpahan darah pahlawan-pahlawan Melayu di negeri Pahang.

Pada petang semalam dengan tidak disengajakan beliau melawat Kampung itu, bertepatan pula kali terakhir beliau sebagai Menteri Besar Pahang untuk merasmikan bangunan

tambahan Sekolah Kebangsaan kampung itu.

"Lawatan ke kampung ini buat kali terakhir tidak diatur dan saya telah menyetujui untuk datang ke sini dalam bulan Mei lalu," ujarnya ketika ditanya oleh pemberita sama ada beliau sengaja mengatur lawatan terakhir ini.

"Oleh kerana pertama kali dan terakhir saya melawat kampung ini sebagai Menteri Besar, saya tidak akan melupakannya," jelasnya lagi.

Dalam ucapan terakhirnya beliau berjanji akan meminta jasa baik Menteri Besar yang baru Datuk Abdul Rashid bin Abdul Rahman supaya dapat mempercepatkan projek bekalan elektrik ke kampung itu.

Tak lupa

Beliau juga telah menderma \$30 kepada sekolah tersebut untuk kegiatan perpustakaan sekolah itu.

Di sebalik kesediaan penduduk-penduduk kampung di atas perletakan jawatan beliau sebagai Menteri Besar Pahang namu mereka tetap tabah hati memberi sambutan hangat kepadanya.

Beliau berterima kasih di atas sambutan hangat penduduk kampung itu yang sungguh mengharukan.

Haji Abdul Rahim tetap bertengan dengan keputusan perletakan jawatan itu dan menasihatkan rakyat supaya mempercayai keputusan itu dan beliau sempat berkata: "Hari sudah siang matahari sudah tergelang."

"Bukalah tirai dan akan dapat kita rasakan angin darat dan sudah berhenti dan angin laut sedang meniup," ujarnya.

Sebelum memasuki kereta penduduk-penduduk kampung itu telah berkerumun untuk bersalam dengan beliau.

Langkah cegah penyeludupan barang purba

KUALA LUMPUR, Ahad. — Akta Benda Purba 1976 akan dipinda bagi mencegah penyeludupan dan penyimpanan secara haram benda-benda purba yang terdapat di negara ini.

Pegawai Unit Penguatkuasa Muzium Negara, Enck Mohamad Radzi Haji Ahmad, memberitahu Bernama di sini hari ini langkah itu perlu kerana barang-barang ukiran antik yang terdapat di rumah-rumah baba dan nyonya Melaka disyaki telah diseludup keluar dari negara ini.

Selain dari itu, barang-barang seperti bahan ceramik yang dijumpai di dalam tanah dan mempunyai kepentingan sejarah disimpun oleh orang-orang tertentu tanpa mendapat kebenaran sah dari Kerajaan.

Menurutnya, orang ramai tidak berhak menyimpan benda purba yang dijumpai di mana-mana Negeri Tanah Melayu kerana ia adalah hak Kerajaan Per-

sekutuan dan patut diserahkan kepada Ketua Pengarah Muzium Negara.

Enck Radzi menasihatkan orang ramai yang hendak mengeksport barang-barang purba supaya terlebih dahulu mendapatkan permit yang sah daripada Muzium Negara, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta Jabatan Kastam.

Beliau menyatakan bahawa phaknya mendapat kerjasama penuh dari Jabatan Kastam dan Jabatan Penerbangan Awam dalam usaha mencegah penyeludupan barang-barang purba.

"Sehingga hari ini kami belum lagi menahan sesiapa berhubung dengan kesalahan seumpama itu," ujar beliau.

Enck Radzi juga memberitahu Kerajaan telah mewartakan lima lagi benda purba tahun ini sebagai monumen purba dan tapak tanah bersejarah di bawah Akta Benda Purba.